



---

**DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 9/2020 (Pindaan No. 1)**

1. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di bawah **Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)** pada 5 Jun 2020, pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel dilanjutkan sehingga 30 Jun 2021.
2. Sehubungan dengan itu, **Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 9/2020** adalah dipinda seperti berikut:
  - (a) Dalam perenggan 2 dengan menggantikan dengan perenggan yang berikut:

**2. Pengecualian cukai perkhidmatan adalah untuk tempoh bermula dari 1 Mac 2020 sehingga 30 Jun 2021.**
  - (b) Dalam perenggan 5.5 dengan menggantikan dengan perenggan yang berikut:

**5.5. Pengenaan Cukai Pelancongan (TTx) dikecualikan dari 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021.**
  - (c) Dalam perenggan 6.2 dengan menggantikan dengan perenggan yang berikut:

**6.2. Bagi perkhidmatan yang dikecualikan berlaku pada 30 Jun 2021 dan berakhir pada 1 Julai 2021, perkhidmatan tersebut dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.**

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI  
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA